

# 20,000 kunjungi InvestSmart Fest

➔ Program didik orang ramai celik kewangan, pelaburan

Oleh **Shahrizan Salian**  
shahrizan\_salian@bh.com.my

InvestSmart Fest 2017 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang berlangsung dari 13 hingga 15 Oktober lalu menarik hampir 20,000 pengunjung.

Pengerusi SC, Tan Sri Ranjit Ajit Singh, berkata rakyat Malaysia perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan diperlukan untuk mengurus sumber kewangan secara berkesan dan meningkatkan kekayaan masing-masing.

“Inisiatif InvestSmart SC bermatlamat untuk memperkasa dan memperlengkapkan individu untuk membuat keputusan kewangan dan pelaburan yang bermaklumat. Yang penting, pelabur terdidik ialah pelabur yang dilindungi,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

InvestSmart Fest 2017 yang bertujuan meningkatkan celik kewangan dan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia dirasmikan oleh

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.

Acara tahunan tiga hari itu diakhiri dengan jayanya melalui larian ‘Run ScamBuster’ yang julung kali diadakan serta menarik penyertaan kira-kira 3,000 peserta.

Larian amal berkenaan, bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran pelabur terhadap pelbagai skim penipuan berjaya mengumpul sebanyak RM100,000 untuk Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan.

Ketika Larian ‘ScamBuster Run’ diadakan, SC juga mengumumkan pelantikan Puteri Sultan Selangor, Tengku Datin Paduka Setia Zatahah Sultan Sharafuddin Idris Shah sebagai duta InvestSmart.

Tengku Zatahah melahirkan rasa amat berbesar hati kerana dilantik sebagai duta InvestSmart dan akan terus menyokong dan membantu rakyat Malaysia agar menjadi lebih celik mengenai kewangan dan pelaburan serta meningkatkan kesedaran mereka terhadap skim-skim penipuan dan

pelaburan haram.

SC juga mempengerusikan secara bersama Jaringan Pendidikan Kewangan untuk membangunkan Keutamaan Strategik Malaysia bagi Peningkatan Celik Kewangan.

Laporan berkenaan dijangka dikeluarkan pada suku pertama tahun hadapan.

InvestSmart Fest 2017 mengetengahkan lebih 65 peserta pameran termasuk institusi pasaran modal, persatuan, penggiat industri dan agensi kerajaan yang berkaitan di bawah satu bumbung.

Pengunjung juga memperoleh manfaat daripada 450 sesi perancangan kewangan percuma yang disediakan oleh 65 perancang kewangan yang dilesenkan oleh SC dan pelbagai ceramah dan seminar mengenai pelaburan, prospek pasaran dan pendigitan.

Artis terkenal, Harith Iskander dan Elizabeth Tan turut membuat penampilan di InvestSmart Fest 2017 untuk berkongsi pengalaman pelaburan bersama pengunjung.



Inisiatif InvestSmart SC bermatlamat untuk memperkasa dan memperlengkapkan individu untuk membuat keputusan kewangan dan pelaburan yang bermaklumat. Yang penting, pelabur terdidik ialah pelabur yang dilindungi”

**Ranjit Ajit Singh,**  
Pengerusi SC